

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
PELAKSANAAN NO. BA-38-3594-10/2025
(SAMAN PEMULA NO.: BA-24FC-673-05/2019)

Dalam perkara mengenai Seksyen
256 Kanun Tanah Negara No. 828
tahun 2020;

Dan

Dalam Perkara mengenai Perserahan
Gadaian No. 14179/2016 berkenaan
dengan keseluruhan tanah yang
dipegang di bawah No. PN76972 bagi
No. Lot 2538, No. PN 76973 bagi
No. Lot 2539, No. PN 76974 bagi No.
Lot 2540, No. PN 76975 bagi No. Lot
2541, No. PN 76976 bagi No. Lot
2542, No. PN 76977 bagi No. Lot
2543, No. PN 76978 bagi No. Lot
2544, No. PN 76979 bagi No. Lot
2545, No. PN 76980 bagi No. Lot
2546, No. PN 76981 bagi No. Lot
2547, No. PN 76982 bagi No. Lot
2548, No. PN 76983 bagi No. Lot
2549, No. PN 76984 bagi No. Lot
2550, No. PN 76985 bagi No. Lot
2551 kesemuanya di Pekan Baru
Sungai Besi, Daerah Petaling, Negeri
Selangor

Dan

Dalam Perkara Aturan 83 Kaedah-
Kaedah Mahkamah 2012

ANTARA

MALAYAN BANKING BERHAD
(No. Syarikat: 3813-K)

... PLAINTIF

DAN

MINES RESORT SDN BHD (No. Syarikat : 186054-A)
[In liquidation)

... DEFENDAN



S/N ovgXEPn35EeVITxv3FQdYw

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

DI HADAPAN TIMBALAN PENDAFTAR

SITI FATIMAH BINTI YAHYA

PADA 5 NOVEMBER 2025

DALAM KAMAR

P E R I N T A H
(Kandungan 1)

ATAS PERMOHONAN pihak Plaintiff yang dinamakan di atas **DAN SETELAH MEMBACA** Notis Permohonan bertarikh 15 Oktober 2025 dan Afidavit Soo Ling yang diikrarkan pada 10 Oktober 2025 yang kedua-duanya difailkan di sini **DAN SETELAH MENDENGAR** Anson Liow dan Kelly Ho Suet Chen bersamanya, peguamcara bagi pihak Plaintiff dan dalam ketidakhadiran pihak Defendan **MAKA ADALAH PADA HARI INI DIPERINTAHKAN:-**

- (1) Bahawa keseluruhan hartanah yang dipegang bawah PN 76985 bagi No. Lot 2551 dan No. PN 76972 bagi No. Lot 2538 kedua-duanya di Pekan Baru Sungai Besi, Daerah Petaling, Negeri Selangor (selepas ini dirujuk sebagai ("**Hartanah-hartanah**") dijual secara lelongan awam melalui sistem e-lelong berikutan Perintah Mahkamah bertarikh 3 Julai 2020 di laman web e-lelong Pusat Operasi e-Lelong, Kompleks Mahkamah Kuantan, Pahang pada **12 Januari 2026 jam 9.00 pagi**;
- (2) Bahawa Hartanah-hartanah tersebut dijual di atas harga rizab bagi setiap hakmilik seperti berikut :-
 - (i) No. PN 76985 bagi No. Lot 2551 pada RM5,767,907.00;
 - (ii) No. PN 76972 bagi No. Lot 2538 pada RM4,709,158.00;
- (3) Bahawa Plaintiff adalah bebas membuat tawaran di jualan tersebut dan di dalam keadaan menjadi pembeli untuk menolak harga belian terhadap jumlah dihutang pada gadaian-gadaian



S/N ovgXEPn35EeVITxv3FQdYw

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

tersebut pada tarikh jualan termasuk kos yang dihutangkan oleh Defendan melalui kos di dalam Saman Pemula;

- (4) Bahawa Perisytiharan Jualan dan syarat-syarat Jualan yang diterima oleh Plaintiff daripada Mahkamah hendaklah diguna pakai dalam lelongan ini;
- (5) Bahawa Plaintiff hendaklah menampal Perisytiharan Jualan dan syarat-syarat Jualan di bahagian ketara atas hartanah tersebut, di Papan Kenyataan Mahkamah Tinggi Shah Alam dan 1 notis jualan diiklankan sekali dalam akhbar tempatan tidak kurang dari tempoh 7 hari sebelum tarikh lelongan;
- (6) Bahawa Plaintiff dikehendaki memasukkan resit bayaran fi pelaksanaan yang telah dibuat di bawah Mahkamah Tinggi Shah Alam Pelaksanaan No. BA-38-584-08/2020 melalui e-filing selewat-lewatnya satu (1) hari sebelum tarikh lelongan awam yang ditetapkan;
- (7) Bahawa Plaintiff hendaklah mendepositkan Surat ikatan hakmilik dan Gadaian-Gadaian Pendua ke Mahkamah dengan memuat naik ke dalam system pemfailan elektronik selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh lelongan awam;
- (8) Bahawa Pembida yang berminat membuat bidaan dalam Sistem e-Lelong hendaklah mendaftarkan diri sebagai pembida dalam laman web e-Lelong;
- (9) Bahawa Pembida yang berminat hendaklah mendepositkan sebanyak 10% daripada harga rizab secara bank draf atas nama Plaintiff selewat-lewatnya 1 hari sebelum tarikh lelongan awam dijalankan;



- (10) Bahawa Pembida yang berjaya dikehendaki menjelaskan baki belian/bidaan dalam tempoh 120 hari dari tarikh lelongan awam terus kepada Plaintiff/Peguamcara Plaintiff secara bank draf atas nama Plaintiff, kegagalan yang mana akan mengakibatkan wang deposit yang dinyatakan di perenggan No. 9 di atas akan dilucut hak kepada Plaintiff dan tiada lanjutan masa dibenarkan; dan
- (11) Bahawa kos dan perbelanjaan berkaitan permohonan ini dan susulan daripadanya hendaklah dibayar oleh Defendan kepada Plaintiff dan Plaintiff berhak menolak/mengambil kira yang sama dari hasil lelongan awam.

Bertarikh pada 5 November 2025.



SITI FATIMAH BINTI YAHYA
Timbalan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Shah Alam
Timbalan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Shah Alam

PERINTAH ini difailkan oleh Tetuan Skrine beralamat di Unit No. 50-8-1, Tingkat 8, Wisma UOA Damansara, No. 50 Jalan Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur, peguamcara bagi pihak Plaintiff yang dinamakan di atas.

(Tel No: 03-20813999 Faks: 03-20943211)

(Ruj: CPY/AR/ANL/22216862)*(cs/azean/order/mines)*



S/N ovgXEPn35EeVITxv3FQdYw

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal